


→ MUKA SEPULUH


DARI KACA MATA


→ **Profesor Dr Ismail Omar**

Presiden Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (PERTAMA) dan pensyarah di Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



 Ensiklopedia ini dirancang untuk diterbitkan secara elektronik. Ini boleh menjimatkan kos penerbitan”

 Ada cadangan menampung kos penulisan dan penerbitannya melalui kaedah wakaf daripada pewakaf yang dermawan”

 Penubuhan dana wakaf di universiti awam baru-baru ini lebih menumpu pada wakaf tunai”

Ensiklopedia wakaf majukan industri buku

dijual secara elektronik mengikut bahagian diperlukan kepada pembeli dengan harga lebih murah.

Lebih menarik lagi, apabila ada cadangan menampung kos penulisan dan penerbitannya melalui kaedah wakaf daripada pewakaf yang dermawan.

Selain wakaf buku, ada banyak bentuk wakaf lain termasuk kertas kerja, monograf, nota kuliah, kertas kajian, filem, slaid, hasil seni, dokumen penting, rekod suara, laporan penyelidikan, kertas seminar, jurnal, pelan dan peta, model, bahan-bahan artifak sejarah dan sebagainya. Bahan penulisan seperti ini sangat bernilai kepada masyarakat terutama siswa-siswi di institusi pendidikan tinggi.

Dikomersial secara elektronik
Kebanyakan bahan berguna ini boleh dijadikan dalam bentuk digital dan boleh digunakan secara

wakaf bagi buku rujukan akan berterusan mengalir selagi buku rujukan berkenaan boleh dimanfaatkan pembacanya. Walaupun, buku rujukan boleh susut nilai dan lupus, teknologi mutakhir membolehkan buku rujukan ditukarkan ke dalam bentuk digital dan lebih bertahan lama.

Malangnya, budaya kedermawanan (endowmen dan wakaf dan sebagainya) di kalangan warga kampus masih di tahap sederhana. Di Eropah, budaya memberi dan kedermawanan dalam kalangan warga universiti hanya pada kadar empat peratus berbanding perbelanjaan keseluruhan.

Di negara kita, budaya berwakaf dalam kalangan warga kampus baharu bermula. Penubuhan dana wakaf di universiti awam baru-baru ini lebih menumpu pada wakaf tunai. Kebanyakan perpustakaan dan pusat sumber

BH
30/3/17
MIS-10

Menarik sekali apabila isu kekurangan dana untuk pembelian buku diketengahkan Presiden Persatuan

Penulis Nasional Malaysia (PENAM), Dr Mohamad Saleeh Rahamad baru-baru ini. Beliau menekankan, sekiranya berterusan, perkara ini boleh memberi impak yang serius terhadap industri buku. Kebimbangan mengenai perkara ini juga disuarakan pihak Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan Persatuan Pustakawan Malaysia.

Dilaporkan peruntukan kewangan yang digunakan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) hanyalah RM2 juta tahun lalu. Apabila industri penerbitan buku terjejas, pembangunan ilmu juga terencat. Seterusnya, pembangunan negara yang berpaksi ke-ekonomi juga terugat.

Dengan dana yang kurang untuk memberi honorarium atau insentif kepada penulis, aliran ilmu pengetahuan untuk rakyat membaca akan terganggu. Akibatnya, budaya membaca semakin mengecut. Sekali lagi, pembangunan industri buku akan terencat. Justeru, apakah seharusnya dilakukan bagi mempertahankan industri buku akibat impak pengurangan dana yang diperuntukkan kepada perpustakaan di negara kita?

Adakah wakaf buku boleh dijadikan satu kaedah untuk me-

majukan industri buku kita? Begitu juga, mampukah media elektronik seperti 'e-learning' membantu menyelamatkan industri buku? Budaya membaca masyarakat kita masih di tahap rendah. Bagi masyarakat negara maju seperti di Barat, membaca sangat mengujakan.

Mereka sanggup membaca ketika menaiki kereta api atau ketika berada di dalam bas. Malah, ketika berdiri dalam kenderaan, mereka sanggup membaca dengan sebelah tangan memegang buku sambil sebelah tangan lagi bergayut pada pemegang kenderaan berkenaan. Sebaliknya, kebanyakan rakyat kita lebih suka tidur atau termenung panjang ketika berada dalam kenderaan awam, selain lebih suka melayan WhatsApp. Sedih rasanya apabila tiada surat khabar atau bahan bacaan bernilai tinggi di dalam kapal terbang.

Usaha Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan bantuan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) serta beberapa agensi kerajaan dan separuh kerajaan yang lain untuk menerbitkan *Ensiklopedia Wakaf* harus dipuji. Ensiklopedia ini dirancang untuk diterbitkan secara elektronik. Ini boleh menjimatkan kos penerbitan dan harganya boleh dikurangkan di pasaran. Malah, ensiklopedia wakaf ini boleh diwujudkan melalui pautan portal sesawang dan boleh

elektronik. Usaha menjadikan pengumpulan bahan berkenaan dan menjadikannya sebagai e-learning harus dipuji dan diteladani. Bahan itu juga boleh dikomersialkan secara elektronik dengan harga lebih murah berbanding jualan secara tradisional.

Begitu juga dengan wakaf R&D dihasilkan di universiti awam dan swasta. Dengan jumlah RM600 juta diberi kerajaan kepada lima universiti penyelidikan pada 2013, tentu hasil penyelidikan boleh dikomersialkan dengan nilai tinggi. Lantaran, jika nilai hasil penyelidikan dalam bentuk produk, nilai polisi dihasilkan dan sebagainya boleh dijadikan wakaf R&D, sudah tentu negara memperoleh hasil komersial bernilai tinggi.

Bagaimanapun, untuk menjadikan bahan dalam bentuk buku rujukan, artifak sejarah, produk R&D dan IP sebagai wakaf, syarat yang menjadikannya wakaf perlu dipatuhi. Antaranya bahan berkenaan mestilah ada mauquf atau objeknya. Begitu juga dengan *mauquf alaih* yakni penerima manfaatnya. Selain itu, bahan yang dijadikan wakaf tadi mestilah tahan lama atau kekal sifatnya. Disebabkan sifat kekal ini, wakaf berkenaan memberi manfaat berterusan.

Sifat ini bermakna pahala daripada manfaat wakaf itu akan mengalir selama mana objeknya tidak luput. Misalnya, pahala ber-

di institusi pendidikan tinggi sama ada di sektor awam atau swasta masih belum bersedia menjadikan buku produk wakaf. Namun, dengan perkembangan semasa dalam penubuhan tabung wakaf universiti awam, selain keperluan institusi pendidikan mencari sumber dana sendiri, sampai masa usaha menjadikan buku sebagai objek wakaf ini dilaksanakan.

Perkara ini bukanlah mustahil kerana kita sudah ada wakaf Quran. Apalah salahnya kita mengorak langkah memulakan wakaf buku di institusi pendidikan tinggi pula. Caranya, wakaf ini boleh dimulakan di perpustakaan awam negeri dan universiti penyelidikan yang ada sebagai langkah permulaan. Seterusnya, langkah permulaan ini akan dibaiki dan diperkasakan dari semasa ke semasa. Walaupun, dana diperuntukkan kerajaan untuk membeli buku dikurangkan, kita percaya, bencana adalah satu peluang dan jalan di hadapan sentiasa boleh diperbaiki.



Kebelakangan ini wujud unsur eksploitasi agama untuk kepentingan politik dan melariskan perniagaan. Antaranya seperti khidmat doa di kota suci Makkah dengan harga tertentu termasuk harga diskaun serta pakej umrah harga murah. Ikuti kupasan lanjut **Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdullah Muhammad Zin**, esok.